

BESQUIL TABLETS

Alprazolam (0.5 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan **BESQUIL TABLETS**
2. Bagaimana **BESQUIL TABLETS** berfungsi
3. Sebelum menggunakan **BESQUIL TABLETS**
4. Cara menggunakan **BESQUIL TABLETS**
5. Semasa menggunakan **BESQUIL TABLETS**
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan **BESQUIL TABLETS**
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan **BESQUIL TABLETS**

BESQUIL TABLETS digunakan untuk merawat kebimbangan dan kebimbangan yang dikaitkan dengan kemurungan.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai mengapa ubat ini telah dipreskripsi untuk anda.
Ubat ini boleh didapati hanya dengan preskripsi doktor.

Bagaimana **BESQUIL TABLETS** berfungsi

BESQUIL TABLETS mengandungi *alprazolam* yang tergolong dalam salah satu daripada kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil benzodiazepine.

Benzodiazepine seperti *alprazolam* menjelaskan aktiviti kimia dalam otak untuk menggalakkan tidur dan mengurangkan kebimbangan dan kerisauan.

Sebelum menggunakan **BESQUIL TABLETS**

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil **BESQUIL TABLETS**

- jika anda mempunyai alahan kepada *alprazolam* atau mana-mana ubat-ubatan lain dalam kumpulan

benzodiazepine atau mana-mana bahan-bahan kandungan **BESQUIL TABLETS** (lihat seksyen Maklumat Lanjut)

Beberapa gejala tindak balas alahan boleh termasuk sesak nafas, berdehit atau kesukaran bernafas, Bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian lain dalam badan, ruam, gatal-gatal atau kulit merah, menaik dan gatal.

- Anda tidak perlu mengambil **BESQUIL TABLETS** jika anda mengambil ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat seperti ketoconazole dan itraconazole.
- Jika anda menderita akibat satu penyakit yang dipanggil '*myasthenia gravis*' di mana anda akan mengalami otot yang sangat lemah dan letih.
- Jika anda mempunyai masalah pernafasan yang teruk atau kesukaran untuk bernafas
- Jika anda mempunyai masalah hati yang teruk
- Jika anda mempunyai 'apnea tidur' - ini adalah keadaan di mana pernafasan anda menjadi tidak teratur, malah berhenti untuk tempoh yang singkat semasa anda sedang tidur.
- Jika tekanan telah meningkat dalam mata anda (glaukoma sudut sempit yang teruk)

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkus atau jika bungkus koyak atau menunjukkan tandatanda telah diusik.

Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu. Jika telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan.

Jika anda tidak pasti sama ada untuk memulakan mengambil ubat ini, bincang dengan doktor atau ahli farmasi.

- Sebelum menggunakan **BESQUIL TABLETS**

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada mana-mana

ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika:

- anda telah menyalahgunakan dada atau alkohol pada masa lalu atau mendapati sukar untuk berhenti mengambil ubat-ubatan, minum atau mengambil dadah. Doktor anda mungkin ingin memberikan bantuan khas apabila anda perlu berhenti mengambil tablet ini.
- anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang.

Beritahu doktor anda jika anda hamil, merasakan anda mungkin hamil sekarang, merancang untuk hamil atau jika anda memberi susu ibu kepada anak.

Ia boleh menyebabkan masalah pernafasan kepada anak yang baru lahir dan boleh menjelaskan perkembangan bayi anda jika anda mengambilnya semasa mengandung.

Alprazolam meresap ke dalam susu ibu dan ada kemungkinan bahawa bayi anda mungkin terjejas, contohnya bayi anda boleh menjadi mengantuk atau mengalami rasa keletihan atau berat badan menurun.

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak kecuali dinasihatkan oleh doktor kanak-kanak.

Keselamatan dan keberkesanan *alprazolam* pada kanak-kanak belum terbukti.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin terjejas oleh **BESQUIL TABLETS** atau boleh menjelaskan bagaimana **BESQUIL TABLETS** berfungsi. Ini termasuk:

- ubat-ubatan digunakan untuk merawat kebimbangan atau

- kemurungan atau untuk membantu anda tidur (contohnya nefazodone, fluvoxamine, fluoxetine, sertraline).
- cimetidine (untuk merawat ulcer perut).
 - ubat-ubatan antipsikotik digunakan untuk merawat penyakit mental seperti skizofrenia (gangguan otak yang teruk di mana seseorang mentafsir realiti secara luar biasa).
 - ubat-ubatan untuk merawat sawan (*fits*)
 - antihistamine untuk melegakan alahan.
 - pencegah kehamilan melalui mulut (pil perancang kelahiran).
 - diltiazem (digunakan untuk angina dan tekanan darah tinggi).
 - antibiotik tertentu (contohnya erythromycin, troleandomycin).
 - ritonavir atau lain-lain ubat-ubatan serupa yang digunakan untuk merawat HIV.
 - tablet tidur
 - sedatif (ubat-ubatan yang digunakan untuk menghasilkan ketenangan) atau ubat penenang (*tranquiliser*)
 - ubat-ubatan untuk merawat jangkitan kulat (contohnya ketoconazole, itraconazole atau azole-azole lain).
 - beberapa ubat-ubatan tahan sakit yang kuat (contoh propoxyphene)
 - ubat anestetik (ubat yang digunakan untuk membuat anda tidur semasa pembedahan)

Adalah penting untuk tidak minum sebarang alkohol semasa anda mengambil *alprazolam*, sebab alkohol meningkatkan kesan ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil mana-mana ubat-ubatan ini. Anda mungkin perlu mengambil ubat-ubatan ini dalam jumlah yang berbeza atau anda mungkin perlu mengambil ubat-ubatan yang berbeza. Doktor atau ahli farmasi anda boleh memberitahu anda apa yang perlu dilakukan jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan ini.

Doktor dan ahli farmasi anda akan mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan untuk anda berhati-hati atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan BESQUIL TABLETS

- Berapa banyak harus digunakan

Dos *alprazolam* mungkin berbeza untuk setiap orang. Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda.

Dewasa

Dos biasa yang disarankan adalah setengah hingga satu tablet, tiga kali sehari.

Dalam beberapa kes doktor anda mungkin mencadangkan anda satu hingga dua tablet sebelum tidur.

Jika diperlukan secara klinikal, doktor anda boleh meningkatkan dos dengan penambahan kecil. Bila dos itu perlu ditingkatkan, ia adalah biasa untuk meningkatkan dos masa malam dahulu, sebelum dos siang hari untuk memastikan anda adalah lebih cergas sepanjang hari. Jika anda mula mendapat kesan sampingan, doktor anda mungkin mengurangkan dos anda.

Warga Emas

Jika anda pesakit yang berusia atau anda mempunyai sebagai contoh masalah buah pinggang atau hati dan anda memerlukan dos yang lebih rendah, doktor anda akan menentukan dos anda mengikut keadaan anda.

Kanak-kanak

Ubat ini tidak boleh digunakan pada kanak-kanak.

Jangan mengambil tablet anda dengan minuman beralkohol.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet anda pada masa yang sama setiap hari.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa kali sehari anda perlu mengambil ubat anda, tetapi mengambilnya pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda ingat untuk mengambilnya.

- Berapa lama perlu digunakan

Biasanya **BESQUIL TABLETS** harus digunakan untuk tempoh yang singkat sahaja (tidak melebihi lapan hingga dua belas minggu termasuk proses ‘*tapering off*’).

Penggunaan berterusan untuk jangka masa panjang tidak disarankan kecuali jika dinasihatkan oleh doktor anda.

Teruskan mengambil *alprazolam* selama yang doktor anda mencadangkan dan sentiasa jumpa doktor anda sebelum anda berhenti mengambilnya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambilnya sebaik sahaja anda ingat, melainkan ia adalah masa untuk dos seterusnya.

Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Ia adalah penting bahawa anda tidak mengambil tablet lebih daripada apa yang diberitahu. Jika anda secara tidak sengaja telah mengambil terlalu banyak tablet anda mungkin mengalami rasa mengantuk, kekeliruan, kegoyangan apabila berjalan, koordinasi terjejas, tindak balas kepada refleks berkurangan, penurunan tekanan darah, sukar bernafas dan koma. Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak tablet, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Segera telefon doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau sesiapa sahaja telah mengambil terlalu banyak **BESQUIL TABLETS**.

Lakukan ini walaupun tidak ada tandanya ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera. Simpan nombor telefon kemudahan ini dan ianya akan berguna.

Semasa menggunakan BESQUIL TABLETS

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikat semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada kotak, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Ambil BESQUIL TABLETS tepat seperti yang doktor anda telah preskripkan.

Jika anda akan memulakan sebarang ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda mengambil BESQUIL TABLETS.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil BESQUIL TABLETS.

Jika anda akan menjalani pembedahan , beritahu doktor atau pakar bius anda bahawa anda mengambil BESQUIL TABLETS.

Ia boleh memberi kesan ubat-ubatan lain yang digunakan semasa pembedahan.

Jika anda hamil semasa anda mengambil ubat ini , beritahu doktor anda.

Beritahu doktor anda, jika untuk apa-apa sebab, anda tidak mengambil BESQUIL TABLETS seperti yang dipreskripkan .

Jika tidak doktor anda mungkin berfikir bahawa ianya tidak berkesan dan mengubah rawatan anda tanpa perlu.

Beritahu doktor anda jika anda rasa BESQUIL TABLETS tidak membantu keadaan anda atau kelihatan telah berhenti membantu keadaan anda.

Doktor anda perlu menyemak kemajuan anda dan lihat sama ada anda perlu mengambil BESQUIL TABLETS.

Sentiasa berbincang dengan doktor anda apa-apa masalah atau kesukaran semasa atau selepas mengambil BESQUIL TABLETS. Jika anda sedang dirawat untuk kebimbangan, pastikan anda memberitahu doktor anda bagaimana anda rasa, terutamanya jika serangan kebimbangan anda menjadi lebih teruk atau lebih kerap.

Selepas mengambil BESQUIL TABLETS anda mungkin mengalami:

- memandu dalam tidur atau membuat panggilan telefon, menyediakan dan makan makanan ketika tidur.
- kehilangan ingatan.
- tingkah laku yang serius atau kesan psikiatri sebagai contoh pergolakan, kegelisahan, agresif, cepat marah, keganasan akibat dari kemarahan, kepercayaan palsu, mimpi buruk dan halusinasi atau lain-lain tingkah laku yang tidak sepatutnya

Beritahu doktor anda jika anda mengalami mana-mana di atas.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan gunakan BESQUIL TABLETS tablet untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.

Jangan ambil ubat anda untuk masa yang lebih lama daripada apa yang doktor anda telah preskripkan (lihat subseksyen Berapa lama perlu digunakan.)

Jangan meningkatkan dos BESQUIL TABLETS anda, tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika gejala-gejala anda telah kembali walaupun anda mengambil dos yang sama, anda harus bercakap dengan doktor anda yang akan menentukan sama ada pelarasian dos diperlukan.

Jangan berhenti mengambil BESQUIL TABLETS atau kurangkan dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Menghentikan ubat ini dengan tiba-tiba boleh menyebabkan beberapa kesan yang tidak diingini (lihat ‘Withdrawal symptoms’ pada seksyen Kesan-sesan sampingan). Anda dan doktor anda perlu mengurangkan dos **BESQUIL TABLETS** anda perlahan-lahan sebelum anda boleh berhenti mengambilnya sepenuhnya.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana BESQUIL TABLETS menjelaskan anda.

Alprazolam boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening pada sesetengah orang dan oleh itu boleh menjelaskan kecerdasan.

Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap *alprazolam* sebelum anda memandu kereta, mengendalikan jentera atau melakukan apa-apa lagi yang boleh menjadi berbahaya jika anda mengantuk, pening-pening atau tidak berjaga-jaga.

Jika anda minum alkohol, gejala-gejala seperti rasa mengantuk, pening atau ringan kepada akan menjadi lebih teruk.

Doktor anda mungkin mencadangkan agar anda mengelakkan alkohol atau mengurangkan alkohol yang anda minum semasa anda mengambil **BESQUIL TABLETS**.

Berhati-hati jika anda warga emas, tidak sihat atau mengambil ubat-ubatan lain.

Anda mungkin lebih cenderung untuk mengalami kesan sampingan seperti mengantuk, kekeliruan, pening dan kegoyangan yang boleh meningkatkan risiko terjatuh.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, BESQUIL TABLETS boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan yang tidak diingini. Kadang-kadang ada yang serius, tetapi pada kebanyakan masa ianya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mendapat beberapa kesan sampingan.

Kesan-sesan sampingan yang serius

Jika mana-mana daripada yang berikut berlaku, berhenti mengambil BESQUIL TABLETS dan beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat:

- Tanda alahan secara tiba-tiba seperti ruam, gatal-gatal atau kulit menaik, kemerah-merahan dan mengalami kegatalan, bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain, sesak nafas, berdehit atau masalah pernafasan

Beritahu doktor anda secepat mungkin jika anda nampak mana-mana daripada yang berikut

- kehilangan kawalan pundi kencing atau usus anda, kesukaran membuang air kecil
- kekejangan otot yang tidak terkawal menjelaskan mata, kepala, leher dan badan
- geletar (kegoyahan)

Kesan-sesan sampingan yang lain**Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda nampak mana-mana yang berikut dan mereka membimbangkan anda :**

- mengantuk, pening, hilang emosi, kecerdasan menurun, kekeliruan, pertuturan tidak jelas, kemurungan, hilang ingatan, tidak dapat tidur, gemuruh, keletihan, sakit kepala, pening
- penglihatan berganda atau kabur, tekanan dalam mata
- gangguan perut dan usus
- kelemahan otot, kegoyangan apabila berjalan, lemah pada rangka otot
- tindak balas kulit
- kekuningan pada kulit dan mata putih
- perubahan dalam berat badan, hilang selera makan,
- perubahan dalam nafsu, kitaran haid tidak tetap

Gejala kebergantungan dan menyepikan diri

- Ia adalah mungkin untuk menjadi bergantung kepada ubat-ubatan seperti BESQUIL TABLETS semasa anda mengambil mereka

dan ini akan meningkatkan kemungkinan mendapat gejala apabila anda hentikan rawatan.

- Gejala menyepikan diri biasa berlaku jika anda:
 - hentikan rawatan dengan tiba-tiba
 - telah mengambil dos yang tinggi
 - telah mengambil ubat ini untuk jangkamasa yang lama
 - mempunyai sejarah penyalahgunaan alkohol atau dadah.

Ini boleh memberi kesan seperti sakit kepala, sakit otot, kekejangan perut dan otot, kebimbangan melampau, muntah, berpeluh, ketegangan, kegelisahan, kekeliruan, perubahan emosi, sukar untuk tidur dan kerengsaan.

Dalam kes-kes menyepi diri yang teruk anda juga boleh mendapat tanda-tanda berikut: perasaan berkhalay atau terasing, merasa seperti dunia satu khayalan, perubahan dalam pendengaran, sensitif luar biasa kepada bunyi, cahaya atau sentuhan fizikal, kebas kaki dan tangan, halusinasi (melihat atau dengar perkara-perkara yang tidak berada di sana ketika anda terjaga), menggeletar atau sawan epilepsi.

Ujian Makmal

- tahap prolaktin yang luar biasa tinggi dalam darah
- ujian fungsi hati yang tidak normal

Beritahu doktor anda jika anda nampak apa-apa lagi yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh hadir pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau melawat laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumer → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan BESQUIL TABLETS**- Penyimpanan:**

Menyimpan di bawah 30°C, melindungi daripada kelembapan

Simpan BESQUIL TABLETS di mana kanak-kanak tidak boleh sampai.

- Pelupusan

Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti mengambil BESQUIL TABLETS, atau tablet telah melepas tarikh luput, tanya doktor anda apa yang perlu dilakukan dengan baki ubat yang ada.

Maklumat lanjut**- Rupa dan warna BESQUIL TABLETS**

Berwarna pic, bulat, tablet dwicembung yang mempunyai garis skor pada satu bahagian.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif : *Alprazolam*
- Bahan tidak aktif: *Lactose Monohydrate, Microcrystalline Cellulose* (Avicel PH 101), Air Tulen, *Sunset Yellow Supra, Docusate Sodium* dan *Sodium Benzoate*, Jagung Kanji, *Colloidal Anhydrous Silica* dan *Magnesium Stearate*

- Nombor MAL:

MAL07122820A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**RANBAXY (MALAYSIA) SDN. BHD.**

Lot 23, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/06/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)180615/00152